

PRU-13: BN perlukan mandat yang padu daripada rakyat - PM
Utusan Online
02 May, 2013

KOTA BHARU 2 Mei - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Barisan Nasional perlukan mandat yang padu daripada rakyat pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) ini untuk membolehkannya membentuk sebuah kerajaan yang kuat bagi menentukan destini negara.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengingatkan rakyat bahawa PRU-13 bukanlah waktu suka-suka bagi mereka memilih pemimpin yang disukai atau tidak, kerana ia penting bagi menentukan kedudukan negara pada masa akan datang.

Jelas beliau, rakyat mesti memilih parti dan pemimpin yang mempunyai wawasan dan agenda besar kepada negara, berkemampuan untuk membuat pembaharuan, serta mempunyai kebolehpercayaan bagi memelihara negara supaya hari esok lebih baik, lebih bersinar daripada hari ini. - UTUSAN ONLINE

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130502/px_103/PRU-13-BN-perlukan-mandat-yang-padu-daripada-rakyat---PM#ixzz2ZoFYkMpq